

# Mycron gesa tindakan tegas bendung lambakan keluli murah

Syarikat milik Bumiputera bimbang keadaan jeaskan daya tahan industri strategik negara

Oleh Hazwan Faisal Mohamad hazwanfaisal@bh.com.my

**Mycron Steel Bhd** menegaskan bahawa lambakan keluli murah di pasaran tempatan kini menjadi ancaman terbesar yang boleh melumpuhkan industri keluli negara serta menggugat asas kedaulatan ekonomi Malaysia.

Syarikat itu, satu-satunya pengeluar Cold Rolled Coil (CRC) milik Bumiputera, menegaskan keadaan itu amat membimbangkan kerana ia menjejaskan daya

tahan industri strategik negara.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), import keluli karbon dalam tempoh 18 bulan lalu (Januari 2024 hingga Jun 2025) mencecah lebih 650,000 tan, jauh mengatasi kapasiti pengeluaran domestik.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Mycron, Tunku Datuk Yaacob Khyra, berkata kedudukan industri itu kini adalah amat penting.

“Melalui Ops Padu 1.0, Ops Padu 2.0 dan Ops Metal, apa yang saya perkatakan selama ini akhirnya terbukti benar.

Seruan besar-besaran mendedahkan jumlah keluli haram yang masuk tanpa kawalan, tanpa dokumen piawaian dan tanpa membayar cukai. Saya memuji Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta agensi berkaitan atas ketegasan mereka,” katanya kepada BH.

Beliau menegaskan isu itu masih belum selesai dan terus memberi tekanan hebat kepada penge-

luar sah tempatan.

## Persaingan tak seimbang

Landskap persaingan juga didakwa tidak seimbang kerana pengeksport asing mengambil kesempatan daripada kelonggaran perjanjian AFTA/ATIGA Form D dengan menjual pada harga tidak munasabah.

Kos pengeluaran domestik pula melonjak akibat tarif elektrik, harga gas, Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dan cadangan cukai karbon.

Lebih membimbangkan, sebahagian besar keluli import dari Korea Selatan masuk melalui manipulasi, deklarasi palsu serta penyalahgunaan pengecualian duti (DE).

Kemudahan itu asalnya untuk sektor automotif, elektrik dan elektronik (E&E) dan industri berteknologi tinggi, namun kini

digunakan oleh pengedar semamata bagi tujuan jualan semula.

Akibatnya, sebahagian besar keluli yang diimport tidak digunakan untuk tujuan sebenar seperti yang dinyatakan dalam permohonan DE, sekali gus merencatkan daya saing pengeluar tempatan.

Tunku Yaacob turut meluahkan rasa kecewa dengan keputusan semakan semula *sunset review* antilambakan CRC yang mengecualikan Korea Selatan dan Vietnam daripada duti import, sedangkan China dan Jepun dikenakan.

“India, Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Eropah (EU) telah mengambil tindakan tegas terhadap Korea dan Vietnam.

Malaysia pula membuat keputusan sebaliknya. Mengapa kita memilih bertindak bertentangan dengan negara lain yang melin-

dungi industri mereka?” soalnya.

Beliau juga mempersoalkan mengapa pengeksport CRC Korea seolah-olah diberi keutamaan.

“Mengapa kerajaan membenarkan lebih 336,000 tan CRC dari Korea masuk dalam tempoh hanya 18 bulan, sedangkan kapasiti kilang tempatan tidak digunakan sepenuhnya?” katanya.

Sehubungan itu, beliau mengesa kerajaan melaksanakan audit menyeluruh terhadap semua permohonan DE bagi memastikan penggunaan sejajar tujuan asal.

Katanya, jika tidak, ia adalah penyalahgunaan yang merugikan industri tempatan. Beliau juga menolak dakwaan bahawa keluli keluaran Mycron tidak berkualiti.

“Jika benar keluli kami tidak berkualiti, bagaimana kami berjaya mengeksport ke pasaran seperti AS, Kanada dan Mexico yang mempunyai piawaian teknikal sangat tinggi? Hakikatnya, tuduhan ini hanyalah alasan untuk beri laluan kepada import murah,” katanya.



Tunku Yaacob Khyra

# Yayasan Peneraju tambah 3,000 slot baharu perkukuh daya saing bakat Bumiputera

**Yayasan Peneraju (YP)** menawarkan tambahan 3,000 slot baharu bagi program pensijilan teknologi dan profesional untuk memperkukuh daya saing bakat Bumiputera di peringkat global.

Tawaran tambahan bersempena sambutan Hari Kemerdekaan Ke-68 itu dapat direalisasikan hasil penjimatan besar kos latihan selepas pelancaran skim pembiayaan baharu pada Februari 2025.

Menerusi langkah itu, jumlah keseluruhan pengambil YP bagi tahun kewangan 2025 meningkat kepada 12,000 berbanding 9,000 sebelum ini.

YP menyediakan pembiayaan sehingga RM150,000 meliputi yuran, kos peperiksaan, bahan pembelajaran dan elaun sara hidup bulanan.

Ketua Pegawai Eksekutif YP, Ibrahim Sani, berkata keputusan menambah slot baharu itu bertepatan dengan semangat patriotisme dan iltizam untuk menyokong pertumbuhan

ekonomi negara.

“Ketika kita meraikan 68 tahun kemerdekaan, saya amat berbangga melihat sejauh mana negara kita berkembang hasil usaha dan sumbangan bakat tempatan. YP komited untuk melihat lebih ramai bakat Bumiputera berada di barisan hadapan pembangunan negara,” katanya dalam satu kenyataan.

Sejak awal tahun, lebih 9,000 penerima faedah aktif memulakan pengajian di bawah pelbagai program pembiayaan YP, manakala tambahan 3,000 slot itu dijangka melonjak jumlah pengambilan kepada 12,000 menjelang akhir 2025.

Bagi bidang teknologi, lebih 90 program ditawarkan termasuk Ethical Hacking, Cybersecurity, Enterprise AI and Data Practitioner serta Archi-Mate EA Foundation & Practitioner.

Untuk kursus jangka pendek seperti Cybersecurity dan Artificial Intelligence, peserta boleh memilih pakej pembiayaan yang

lebih rendah sehingga RM15,000.

Program profesional pula menawarkan enam laluan utama seperti SAP, Certified Halal Executive, Certified Halal Internal Auditor, Digital Marketing, Lean Six Sigma dan PRINCE2, selain program perakaunan profesional termasuk CIMA, CPA Australia, MICPA x CA ANZ, ACCA dan ICAEW.

Setakat ini, bidang perakaunan kekal paling popular dengan lebih 850 pelajar mengikuti ACCA, termasuk 701 pelajar melalui laluan pasca Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Program lain seperti CIMA, CPA Australia, ICAEW serta MICPA x CA ANZ turut meningkat.

Selain itu, kursus Project Management Professional (PMP) kini mencatat 384 penyertaan, manakala program baharu seperti SAP Certified Associate dan Chartered Financial Analyst (CFA) menerima lebih 150 permohonan dalam tempoh sebulan.

## LOT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL RUMAH BERBANDUNG 2 TINGKAT

ATAS LOT 1393, TAMAN PAYAMAS 2, MUKIM TANGKAK, DAERAH TANGKAK, JOHOR.

Urusan pembeli Lot Bumiputera perlu melalui portal :

**Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (erumah.johor.gov.my)**

Telefon : 07-2666260/07-2666261 PKPJ.606/10/102

**Baki unit Bumiputera : 1 unit**

**Harga: RM1,013,625.00 (Harga Selepas Diskaun 15%)**

**Keluasan Tanah: 5,552kp**

**Keluasan Bangunan: 3,000kp**

**No. Koordinat Google Map : 2.273803 , 102.548147**

- Jenis Pegangan Tanah : Bebas • Bebanan Tanah : Tiada
- Nama Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan : Majlis Daerah Tangkak
- No.Fail Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan : MDT11-12/2/1/135
- **SIJIL MENDUDUKI TELAH DIPEROLEHI (CCC)** • Tarikh CCC : 08 Ogos 2025

**CHANG SHENG GLOBAL DEVELOPMENT SDN BHD (911977-M)**

No.5-20,1st Floor, Pusat Perniagaan Pesta Baru, Jalan Haji Jaib, 84000 Muar, Johor.

**Tel : 06-9545005**